

**MASLAHAH STANDARDS IN THE IMPLEMENTATION OF HIBAH AMANAH  
IN MALAYSIA**

**PIAWAIAN MASLAHAH DALAM PELAKSANAAN HIBAH AMANAH DI MALAYSIA**

Shofiyyah Moidin<sup>i</sup>, Mohd Afandi Mat Rani <sup>iii</sup>, Faezy Adenan<sup>iiii</sup>,  
Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif<sup>iv</sup>, Muhamad Zuhaili Saiman<sup>v</sup>, S. Salahudin Suyurno<sup>vi</sup>,  
Norazlina Mamat<sup>vii</sup>, Muhammad Hamizan Ab. Hamid<sup>viii</sup> & Muhammad Syahrul Deen Rosli <sup>ix</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. shofiyyah@uitm.edu.my
- <sup>ii</sup> Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. mohdafandi@uitm.edu.my
- <sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. faezyadenan@uitm.edu.my
- <sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. izzatamsyar@ukm.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. mdzuhaili@uitm.edu.my
- <sup>vi</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. ssalahud@uitm.edu.my
- <sup>vii</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. norazlinamamat@uitm.edu.my
- <sup>viii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. muhdhamizan@uitm.edu.my
- <sup>ix</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. syahruldeen@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The trust hibah instrument is gaining popularity among Islamic financial industry players as a comprehensive property planning initiative. The permissibility of hibah Amanah for the purpose of estate planning during life is based on the concept of maslahah 'ammah for the socio and economic benefit of the Muslim community. Therefore, this study aims to discuss how the concept of maslahah 'ammah works in meeting the needs of the Muslim community and achieving the wishes of the givers and recipients of hibah through the development of this hibah trust. The study used a qualitative method, in which primary data is collected from in-depth interviews. library methods and data will be analyzed by content analysis. The results of the study found that the development of hibah Amanah for the purpose of estate planning during life can achieve the concept of maslahah 'ammah by celebrating all parties involved so that it is seen as being able to avoid freezing the property of Muslims and achieve maqasid to preserve property. Therefore, it is hoped that this study will be an added value to the efforts of the responsible parties to preserve the property of Muslims and optimize its use in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Hibah, Amanah, Maslahah, 'Ammah, Standard.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Instrumen hibah amanah semakin mendapat sambutan dalam kalangan pemain industri kewangan Islam sebagai satu inisiatif perancangan harta yang komprehensif. Keharusan hibah amanah bagi tujuan perancangan harta</i></p>

	<p><i>ketika hidup adalah berasaskan konsep masalahah 'ammah untuk kepentingan sosio dan ekonomi masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan bagaimana konsep masalahah 'ammah berfungsi dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam dan mencapai hasrat pemberi dan penerima hibah menerusi pembangunan hibah amanah ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, di mana data primer dikumpul daripada temu bual secara mendalam. kaedah perpustakaan dan data akan dianalisis secara analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pembangunan hibah amanah bagi tujuan perancangan harta ketika hidup mampu mencapai konsep masalahah 'ammah dengan meraikan semua pihak yang terlibat sehingga dilihat mampu mengelakkan pembekuan harta umat Islam seterusnya mencapai maqasid untuk memelihara harta. Justeru, diharap kajian ini berupaya menjadi nilai tambah kepada usaha pihak bertanggungjawab untuk memelihara harta umat Islam dan mengoptimumkan penggunaannya di Malaysia.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Hibah, Amanah, Masalahah, 'Ammah, Piawaian.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Dari perspektif Islam amanah ialah sesuatu yang berada dalam jagaan penjaga amanah sama ada diamanahkan untuk menjaga sesuatu seperti *wadi'ah* (simpanan harta) atau yang terkandung dalam 'akad seperti sewaan dan pinjaman. Biasanya ia disandarkan kepada *yad Amanah* (tangan yang menjaga amanah) iaitu seseorang yang dipertanggungjawabkan dengan sesebuah amanah tidak akan menanggung sebarang kerugian sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini ke atas amanah tersebut kecuali dia sendiri yang cuai atau melampaui batas dalam menjalankan tanggungjawab itu (al-Khin, al-Bugha & al-Syirbiji, 1992). Di dalam Islam perlantikan hibah amanah boleh dibuat melalui beberapa kategori akad. Antaranya ialah akad wakil (*wakalah*), akad perlantikan pentadbir harta (*wisoyah*) dan juga dalam bentuk akad simpanan harta (*wadi'ah*) (Halim & Bustami, 2017). Hibah amanah merupakan satu bentuk pemberian daripada pemberi harta semasa hidupnya dan pemberi harta masih boleh menggunakan harta tersebut selepas akad hibah amanah itu berkuatkuasa (Halim & Bustami, 2017).

Konsep kemaslahatan hibah amanah pula boleh dilihat menerusi Prinsip Maqasid Syariah menurut perspektif Al-Najjar. Kemaslahatan ini merangkumi empat aspek iaitu untuk menjaga nilai kehidupan manusia, diri manusia, masyarakat dan juga persekitaran. Empat-empat aspek menunjukkan kepentingan hibah amanah bukan sahaja untuk menjaga harta malah yang terutama agar instrumen ini memenuhi perspektif syarak (agama), menjaga keturunan, menjaga diri manusia, masyarakat dan alam sekitar. Persoalan yang sering ditimbulkan ialah adakah setiap peraturan dan keputusan yang dibuat itu berasaskan kepada *Maslahah 'Ammah* atau kepentingan umum yang dipraktikkan itu menepati dengan kehendak syarak dan kaedah perundangan Islam yang sebenar.

## Konsep Masalahah

Istilah *masalahah* sering dikaitkan dengan *Maqasid al-Syariah* kerana objektif Syariah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia adalah untuk menjamin *masalahah* atau kebaikan kehidupan mereka (Mohamad & Mansor, 2016). Secara ringkasnya, *masalahah* merupakan objektif atau matlamat utama yang ingin dicapai di dalam perundangan Islam. Intipati *Maqasid al-Shariah* atau *masalahah* secara kontemporari dibincangkan dalam konteks *Maqasid al-Shariah 'Ala Dawair Al-Hayah Al-Insaniyyah* (Maqasid Syariah dalam ruang lingkup kehidupan manusia). Maqasid ini dilaksanakan bagi mendapatkan faedah atau manfaat dan mengelakkan kerosakan untuk mendapat keselamatan di dunia dan akhirat (Al-Munawwar, 2021).


Menurut Al-Najjar (2008), *Maqasid Al-Shariah 'Ala Dawair Al-Hayah Al-Insaniyyah* terbahagi kepada empat aspek (rujuk Rajah 1) iaitu: Pertama, *Maqasid Fi Hifz Qimah Al-Hayah Al-Insaniyyah* (Maqasid yang menjaga nilai kehidupan manusia). Aspek ini

mempunyai dua pecahan iaitu: (a) menjaga agama (*Hifz al-Din*) dan (b) menjaga kemanusiaan (*Hifz Insaniah al-Insan*). Kedua, *Maqasid Fi Hifz al-Zat al-Insaniyyah* (Maqasid yang menjaga diri manusia). Aspek kedua turut terbahagi kepada dua bahagian iaitu: (a) menjaga diri sendiri (*Hifz al-Nafs al-Insaniyyah*) dan (b) menjaga akal (*Hifz al-aql*). Aspek ketiga pula ialah *Maqasid Fi Hifz al-Zat al-Mujtama'* (Maqasid yang menjaga masyarakat). Aspek ketiga ini juga terbahagi kepada dua iaitu: (a) menjaga keturunan (*Hifz al-Nasl*) dan (b) menjaga entiti sosial (*Hifz Kiyah al-Ijtima'i*). Aspek terakhir ialah *Maqasid Fi Hifz Muhit al-Madi* (Maqasid yang menjaga persekitaran fizikal atau lingkungan). Aspek keempat ini terbahagi kepada dua pembahagian iaitu: (a) menjaga harta (*Hifz al-Mal*) dan (b) menjaga alam sekitar (*Hifz al-Bi'ah*).

Dapat disimpulkan bahawa *maslahah* ialah manfaat yang ingin dicapai oleh manusia dalam semua aspek kehidupan. Jadi, jika kita melihat definisi di atas, *Maqasid al-Shariah* dengan *maslahah* merupakan perkara yang saling berkaitan dan saling bergantung antara satu yang lain (Dahlan, 1996). Definisi *maslahah* dari sudut istilahnya tidak terkeluar daripada skop untuk mencapai manfaat dan menolak kerosakan bagi memelihara tujuan dan kehendak syarak (*Maqasid al-Syariah*). Ini kerana segala kepentingan manusia di dunia ini telah pun dijamin dan dipelihara oleh syarak. Dalam keadaan tertentu terdapat perkara yang pada penilaian manusia adalah dianggap baik dan sesuai, tetapi pada hakikatnya ia tidak baik dan bertentangan dengan kehendak syarak yang sebenarnya, dan begitu juga sebaliknya (Ideris, 1992).

Berdasarkan perbincangan dengan *maslahah* tersebut, pelaksanaan amalan hibah amanah di industri kewangan Islam menggunakan akad hibah bersyarat berdasarkan *Maslahah 'Ammah* ini telah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dan turut dilaksanakan pada zaman khulafa al-Rasyidin dan khalifah-khalifah lain yang kemudiannya. Pembentukan akad hibah amanah berdasarkan kepada *Maslahah 'Ammah* juga turut disokong oleh beberapa kaedah *fiqh*iyah bagi tujuan untuk menghilangkan kemudharatan.

Rajah 1: Pengelasan Maqasid Syariah Perspektif Al-Najjar



Sumber: Al-Munawwar, 2021

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Penyelidikan**

Bagi sisi empirikal, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, di mana data primer dikumpul daripada temu bual secara mendalam. Kualitatif ialah kaedah praktikal untuk menggambarkan tingkah laku kajian penyelidikan (Effendi, 2013). Selain itu, kaedah ini mewakili kaedah khas dalam menginterpretasi subjektif kandungan data teks melalui proses pengelasan pengekodan dan mengenal pasti tema secara sistematik (Hsieh dan Shannon, 2005).

Kajian ini mengaplikasikan ulasan naratif keratan rentas menggunakan temu bual secara mendalam untuk memperoleh kefahaman yang mendalam tentang subjek kajian (Robertson dan Samy, 2015; Gunarathne dan Senaratne, 2017). Pendekatan ini lebih diutamakan kerana isu berkaitan *masalah* produk hibah amanah di Malaysia tidak akan diperoleh hanya dengan penelitian dokumen, ia perlu kepada temu bual yang mendalam bagi memperoleh maklumat yang tepat dan tidak bias

Selain itu, bagi mencapai objektif kajian, kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan kaedah berasaskan perpustakaan. Perbincangan fuqaha' silam dirujuk dan diteliti bagi membentuk konsep dan tema analisis. Kaedah ini digunakan kerana ianya merupakan pendekatan terbaik bagi mendapatkan data kajian menerusi pelbagai kitab-kitab turath, buku, jurnal dan resolusi Syariah dan fatwa. Penemuan disusun dalam bentuk akaun deskriptif, menjelaskan data, tema, atau kategori merentasi data bagi menjawab persoalan kajian (Merriam & Tisdell, 2015)

### **Memilih Responden, Pengurusan Data dan Analisis**

Kaedah persampelan bertujuan dalam menjalankan temu bual membolehkan penyelidikan untuk mencapai objektif kajian (Etikan et al., 2016). Dalam hal ini, penyelidik telah menemu bual Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pengurus Besar Bahagian Syariah Tabung Haji, Ketua Bahagian Transformasi Perniagaan, Amanah Raya Berhad, Timbalan Presiden As-Salihin Trustee Berhad, Ketua Pegawai Wasiyyah Shoppe Berhad dan Pengarah Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor. Selain itu, kajian ini juga menemubual ahli akademik yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang hibah daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Islam Antabangsa Malaysia (UIAM). Kesemua responden yang ditemubual adalah mewakili kepada industri dan ahli akademik yang berkaitan dengan hibah amanah.

Memandangkan ini merupakan kajian penerokaan, temu bual telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan holistik berkaitan isu Syariah produk hibah amanah di Malaysia. Semua temu bual dirakam menggunakan perakam audio dan ditulis dalam buku nota sebagai data primer untuk kajian ini. Dapatan temu bual kemudiannya ditranskripsi untuk mendapatkan tema yang bersesuaian sebagaimana metodologi yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994).

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Bagi memastikan kesahihan data, kajian ini telah menemu bual Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pengurus Besar Bahagian Syariah Tabung Haji, Ketua Bahagian Transformasi Perniagaan, Amanah Raya Berhad, Timbalan Presiden As-Salihin Trustee Berhad, Ketua Pegawai Wasiyyah Shoppe Berhad dan Pengarah Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor. Selain itu, kajian ini juga menemubual ahli akademik yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang hibah daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Islam Antabangsa Malaysia (UIAM). Semua fakta yang dinyatakan oleh responden telah disahkan oleh semua responden bagi mengelakkan kesilapan yang tidak disengajakan. Sebelum temu bual

dijalankan, soalan telah dihantar seminggu lebih awal supaya para responden boleh bersedia untuk jawapan yang terbaik.

Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini boleh menyokong analisis kualitatif yang bersistematik dan berobjektif. Ia juga menyokong kesahan dan kebolehpercayaan analisis data (Bengtsson, 2016). Kajian ini menggunakan analisis kandungan di mana tema ditakrifkan sebelum dan semasa analisis data kerana ia bermula dengan perbincangan isu *masalah* produk hibah amanah yang terdapat di Malaysia. Analisis kandungan digunakan bagi mengesahkan atau melanjutkan kerangka teori secara konseptual (Hsieh dan Shannon, 2005).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Pelaksanaan Hibah Amanah Berdasarkan *Maslahah 'Ammah*

Pada asasnya, hukum hibah amanah yang menggunakan pakai konsep bersyarat *umra* dan *ruqba* adalah diharuskan dalam Islam berdasarkan kepada *Maslahah 'ammah* yang dikecualikan daripada hukum yang asal. Ini kerana kedudukan *Maslahah 'ammah* sentiasa diutamakan daripada *Maslahah Khusus*. Oleh itu para fuqaha menetapkan bahawa kesahan syarat *tawqit* bagi *umra* dan *ruqba* ke atas akad hibah untuk kemaslahatan umum adalah diharuskan. Walaupun pada hakikatnya, penerimaan hukum terhadap akad *'umra* dan *ruqba* adalah termasuk dalam hukum *khilafiyah* namun masih ada pandangan yang membenarkan. Perkara ini diperkuat dengan melihat kepada data harta umat Islam yang tidak dituntut menyebabkan harta tidak boleh digunakan dan tidak berkembang. Ia bercanggah dengan *maqasid syariah* iaitu penjagaan harta.

Amalan hibah amanah menggunakan akad hibah bersyarat berdasarkan masalah *'ammah* ini telah dilakukan pada zaman Rasulullah saw dan turut dilaksanakan pada zaman khulafa al-Rasyidin dan khalifah-khalifah lain yang kemudiannya. Pembentukan akad hibah amanah berdasarkan kepada *masalah 'ammah* juga turut disokong oleh beberapa kaedah *fiqhyyah* bagi tujuan untuk menghilangkan kemudharatan. Walau bagaimanapun, hukum hibah amanah berdasarkan *masalah* bukanlah bersifat mutlak. Keharusan tersebut adalah bergantung sepenuhnya kepada syarat dan standard piawai *masalah* di bawah.

Hibah amanah yang dibuat itu hendaklah seiring dengan maksud dan tuntutan syarak, tidak menafikan sesuatu hukum yang asal, tidak berlawanan dengan nas ataupun dalil yang telah disabitkan hukum secara *Qat'i*. Ia juga hendaklah bertepatan dengan kemaslahatan yang dikehendaki dan diterima oleh syarak al-Quran, al-Sunnah dan Qias. Ia selaras dengan kaedah *fiqhyyah* bahawa setiap perkara atau sesuatu urusan itu bergantung kepada tujuan atau niat.

Selain itu, kepentingan hibah amanah mestilah termasuk dalam tujuan syarak (*Maqasid al-Syar'iyah*) bertujuan untuk menjaga lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, walaupun melibatkan hak individu. Dalam masa yang sama, pengesahan hibah amanah semestinya dilaksanakan oleh pemerintah atau kerajaan. Berdasarkan kepada kaedah umum bahawa segala tindakan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap rakyat adalah bergantung kepada *masalah*.

Seterusnya, kepentingan umum yang disandarkan hukum ke atasnya hendaklah merupakan kepentingan umum yang sebenar-benarnya (*Haqiqiyah*) atau *Qat'iyah* dan bukannya kepentingan yang bersifat *Wahmiyyah*. Apa yang dimaksudkan dengan *haqiqiyah* di sini ialah kepastian pelaksanaan itu mendatangkan kebaikan kepada manusia dan menghindarkan daripada segala kemudharatan, tanpa wujud sebarang kesamaran atau keraguan tentang keberhasilan terhadapnya. Sekiranya kepentingan umum itu semata-mata sangkaan yang samar-samar (*waham*) iaitu pada pandangan kita ada kebaikannya, maka ia tidak boleh dijadikan hujah dalam penetapan hukum.

Hibah amanah yang dibuat boleh diaplikasikan untuk semua umat Islam (*Kulliyat*) iaitu ia mendatangkan kebaikan dan menolak kemudharatan kepada seluruh manusia. Sekiranya kemanfaatan itu hanya dimonopoli oleh sebilangan kecil manusia (*Juz'iyat*), maka ia tidak boleh dijadikan asas dalam penetapan sesuatu hukum. Dalam masa yang sama, tindakan membuat hibah amanah itu pada dasarnya tidak menghilangkan atau

melupakan kepentingan lain yang lebih penting daripadanya atau setaraf dengannya seperti membantu anak yang kurang upaya, pemberian hibah bagi mengelakkan daripada melunaskan pembayaran hutang, keadilan dalam memberi harta kepada anak-anak dan pemberian harta oleh mualaf kepada ahli keluarganya yang belum masuk Islam.

Keputusan hibah amanah itu hendaklah relevan, munasabah dan boleh diterima oleh akal manusia dan melupakan kesulitan yang biasa berlaku. Kepentingan yang terhasil daripada amalan hibah itu telah dikemukakan kepada pakar yang profesional. Ia terdiri sama ada dari kalangan ahli perundangan agama atau mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

Hasil daripada hibah amanah itu secara langsung boleh menghindarkan kesusahan yang pasti akan berlaku dan membawa kepada kesenangan dan kemudahan serta bermanfaat. Syarat ini selaras dengan Firman Allah Taala yang bermaksud:

﴿وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ﴾

Maksudnya: “dan tidak aku jadikan kepada kamu dalam urusan agama daripada kesusahan” (al-Quran. Al-Haj:78)

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan hibah amanah adalah suatu bentuk *masalahah ‘ammah* yang dibenarkan dalam Islam yang dikecualikan daripada hukum asal. Ini kerana kedudukan *masalahah ‘ammah* itu sendiri lebih utama (*awla*) berbanding masalahah yang bersifat khusus (*masalahah khassah*). Namun begitu, meletakkan masalahah *‘ammah* sebagai satu bentuk keharusan yang mutlak adalah tidak bertepatan dengan Islam melainkan tertakluk kepada piawaian yang telah dibincangkan di atas.

1. Hendaklah seiring dengan maksud dan tuntutan Syarak dengan tidak menafikan hukum yang asal.
2. Hendaklah tidak bertentangan dengan nas atau dalil yang yang disabitkan secara *Qat’i*.
3. Hendaklah bertujuan menjaga tujuan Syarak (Maqasid Syariah) untuk memelihara lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
4. Hendaklah dilaksanakan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan (pemerintah).
5. Hendaklah dipastikan *masalahah* tersebut benar-benar berlaku dan bukan bersifat *wahmiyyah* (sangkaan) semata-mata.
6. Hendaklah masalahah tersebut membawa kebaikan kepada manusia secara keseluruhannya (*Kulliyat*) dan bukan bersifat terpilih (*juzziyyah*) sahaja.
7. Hendaklah tidak menghilangkan atau melupakan kepentingan lain yang lebih penting atau yang setaraf dengannya.
8. Pelaksanaan hibah amanah hendaklah boleh diterima oleh akal bagi melupakan kesulitan yang biasa berlaku.
9. Hibah amanah itu secara langsung boleh menghindarkan kesusahan yang pasti berlaku.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hibah yang diamanah atau dihibahkan memerlukan kepada pengurusan yang cekap untuk kelangsungan kewangan. Bagi orang Islam, perancangan harta pusaka bagi pewaris amat diperlukan untuk memastikan pengagihan kekayaan yang lancar di kalangan waris dan orang tersayang. Disebabkan kekurangan penyelidikan pragmatik mengenai perancangan harta pusaka Islam, khususnya dalam konteks Malaysia, kajian ini membincangkan secara terperinci terhadap isu pemakaian *masalahah ‘ammah* terhadap hibah amanah dalam memenuhi perbahasan fiqh Islam. Penyelidikan ini mencadangkan hibah boleh menjadi senarai semak untuk umat Islam merancang legasi harta pusaka mereka sebelum kematian.

Kertas kerja ini telah mengkaji secara kritis beberapa perkembangan utama dalam masalahah dan hibah, ia adalah keperluan masyarakat terhadap hibah yang boleh membawa manfaat yang besar kepada perbahasan hibah di Malaysia dan negara lain. Walau

bagaimanapun, perbualan semasa mengenainya masih bersifat teori, dengan sedikit panduan yang tersedia berhubung pelaksanaannya. Khususnya, terdapat kekurangan perbualan moden mengenai penggunaan *masalahah* terhadapnya. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membantu memperkayakan literatur yang berkaitan dengan memberi sedikit penerangan tentang potensi hibah amanah menurut *masalahah* sebagai mekanisme yang boleh membantu untuk mengekalkan dan membangunkan lagi penawaran hibah di Malaysia. Perkara ini dibincangkan berlatar belakangkan ketetapan Syariah mengenai konsep *masalahah* yang berkaitan dengan hibah amanah.

Kajian kami mendapati bahawa tidak ada teks eksplisit dalam al-Quran dan Sunnah yang secara jelas melarang atau menyekatnya. Kebaharuan dan tumpuan kajian ini terletak pada perbualan *masalahah* yang dicadangkan pada pemakaian produk hibah amanah di Malaysia. Ini boleh diberi pertimbangan sepenuhnya dalam pelaksanaannya pada masa hadapan.

### PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan bertajuk “Produk Hibah Amanah Di Malaysia: Amalan Industri Dan Analisis Terhadap Isu-Isu Syariah Dan Undang-Undang”, Kod: 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (039/2021). Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Permodalan Nasional Berhad yang telah menaja penyelidikan ini.

### RUJUKAN

#### Buku

- Dahlan, A. A. 1996. *Ensiklopedi Hukum Islam*. Ed. Pertama, Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve.
- al-Khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa & Al-Sarbaji, Ali. 1992. *Al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imam Al-Shafi’i*. Cet. 4, Damsyik: Dar al-Qalam. Jil 7, hlm 126.
- Miles, M.B. dan Huberman, A.M. 1994. *Data management and analysis methods*. In: Denzin, N.K. dan Lincoln, Y.S. (Eds). *The Sage Handbook of Qualitative Research*. Sage.
- Mohamad, M.H. & Mansor, F. 2016. *Patuh-Syariah dan Kesannya ke atas Pengurusan Risiko Organisasi: Satu Kajian Awal*. Dlm: Abdullah, L, Ramli, R. & Razif, N. F. M. (Ed), *Maqasid Al-Shariah: Aplikasi dalam Aspek Muamalat dan Kehartaan*. 231-244. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Musa, Muhammad Yusuf. 1952. *Al-Amwal wa Nazariyyah al-‘Aqd fi al-Fiqh al-Islami*. Cet.1, Kaherah: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- al-Najjar, ‘Abd Al-Majid. 2008. *Maqasid Al-Shari’ah Bi Ab’ad Jadidah*. Beirut: Dar Al-Gharb Al-Islami.
- al-Wazir, Ahmad b. Muhammad b. ‘Ali. 2002. *Al-Musaffa fi Usul al-Fiqh*. Cet.1, Kaherah: Dar al-Fikr.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. 1994. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, hlm 378.

#### Jurnal

- Bengtsson, M. 2016. *How to plan and perform a qualitative study using content analysis*. *Nursing Plus Open*, Vol.2. 8-14.
- Etikan, I., Musa, S.A. dan Alkassim, R.S. 2016. *Comparison of convenience sampling and purposive sampling*. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, Vol. 5(1), 1-4.
- Gunarathne, N. and Senaratne, S. 2017. *Diffusion of integrated reporting in an emerging South Asian (SAARC) nation*. *Managerial Auditing Journal*. Vol. 32 (4/5), 524-548.
- Halim, A. H., & Bustami, T. A. A. 2017. *Perlaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia (Execution of Hibah Amanah as an Instrument of Islamic Property Management in Malaysia)*. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Vol. 29(2), 310-335.

- Hsieh, H.F. dan Shannon, S.E. 2005. *Three approaches to qualitative content analysis*. Qualitative Health Research. Vol. 15(9), 1277-1288.
- Ideris, M. N. 1992. *Susunan Keutamaan Masalah dan Fungsinya Dalam Perundangan Islam*. Jurnal Syariah, Bil.2.
- al-Munawwar, Faishal Agil. 2021. *'Abd al-Majīd al-Najjār's Perspective on Maqāsid al-Sharī'ah*. Jurnal Ilmiah Syariah, 20(2), 209-223.
- Robertson, F.A. dan Samy, M. 2015. *Factors affecting the diffusion of integrated reporting – a UK FTSE 100 perspective*. Sustainability Accounting, Management and Policy Journal. Vol. 6(2), 190-223.

### **Tesis**

- Effendi, J. 2013. *The role of Islamic microfinance in poverty alleviation and environmental awareness in Pasuruan east java Indonesia*. Universitätsverlag Gottingen, Gottingen, 1-150.

### **Temu Bual**

- Dr. Ahmad Basri Bin Ibrahim. Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB). 26 Oktober 2021.
- Dr. Ahmad Zakirullah Bin Mohamed Shaarani. Pensyarah Kanan, Jabatan ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). 18 Mei 2022.
- Dr. Mohd Zamro Bin Muda. Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 28 Februari 2022.
- Dr. Noor Lizza Binti Mohamed Said. Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 28 Februari 2022.
- Dr. Rusnadewi Bin Ab Rasyid. Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM). 6 September 2021.
- Prof Madya Dr Akmal Hidayah Binti Halim. Profesor Madya, Pensyarah, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, Universiti Islam Antabangsa Malaysia (UIAM). 22 April 2022.
- Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Bin Buang. Mantan Pensyarah, Fakulti Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
- Prof. Madya Dr. Alias bin Azhar. Profesor Madya, Pensyarah, Pusat Pengajian Undang-undang (UUMSoL), Universiti Utara Malaysia (UUM). 6 September 2021.
- Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam Bin Nor Muhamad. Profesor Madya, Pensyarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). 6 September 2021.
- Tuan Haji Imran bin Mohammad Khayat. Pengurus Besar Bahagian Syariah, Tabung Haji. 1 Oktober 2022.
- Tuan Indera Shahril Bin Mohd Shahid. Pengarah Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor. 26 Januari 2021
- Tuan Lokman Bin Ab Latiff. Ketua Bahagian Transformasi Perniagaan, Amanah Raya Berhad. 26 Oktober 2021.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*